



اُيْتِمُ تِكْنُولُوجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN*

EDISI 2
APRIL 2025

U
R
H
P

UiTM *di hatiku*

اوسمها تقوى موليا

Kemudahan Kolej Kediaman di Kampus: Tanggungjawab dan Bukan Hak Pelajar

Saflina Azis & Mustafa Kamal Mat

Kolej kediaman merupakan salah satu kemudahan yang disediakan oleh pihak universiti untuk memudahkan pelajar menjalani kehidupan sebagai mahasiswa di kampus. Namun, adalah penting untuk difahami bahawa kemudahan ini bukanlah hak mutlak setiap pelajar, sebaliknya, bilik di kolej kediaman diberikan mengikut pekeliling/garis panduan yang ditetapkan oleh pihak pengurusan universiti. Setiap pelajar yang memohon penempatan di kolej kediaman perlu memahami bahawa penempatan bilik dan jenis kemudahan yang diberikan tidak boleh dianggap sebagai hak, melainkan ia adalah sebahagian daripada peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.

Pelajar yang ingin mendapatkan tempat tinggal di kolej kediaman perlu mengikuti prosedur permohonan yang telah ditetapkan dan memahami bahawa penempatan bilik adalah berdasarkan kelayakan (merit juga diambilkira) serta keutamaan tertentu. Contohnya, pelajar baharu dan pelajar di peringkat diploma diberikan keutamaan untuk mendapat bilik di kolej kediaman. Keutamaan turut diberikan kepada pelajar yang memegang jawatan penting seperti Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPK) dan Badan Beruniform.



Namun begitu, tiada penempatan disediakan bagi pelajar di peringkat sarjana muda dan pelajar yang gagal memenuhi syarat kelayakan menduduki kolej kediaman. Mereka terpaksa mencari alternatif tempat tinggal di luar kampus, di mana, terdapat banyak taman perumahan yang menawarkan tempat tinggal yang selesa di luar dan berdekatan dengan kampus.

Buat pengetahuan semua, di UiTM Kampus Seremban ini, terdapat dua (2) blok kolej kediaman, iaitu satu blok khusus untuk pelajar siswa yang terdiri daripada lapan (8) aras (Kolej Bendahara Skudai), dan satu lagi blok untuk pelajar siswi yang mempunyai 12 aras (Kolej Puteri Mayang Selida). Setiap aras terdapat 36 bilik yang boleh menempatkan empat (4) orang pelajar. Setiap bilik dilengkapi dengan bilik mandi, tandas, katil, almari, meja belajar dan ruang ampaian. Kemudahan yang disediakan ini, lebih selesa dan mempunyai privasi yang lebih tinggi berbanding dengan kebanyakan kolej di kampus /universiti lain.

Selain itu, di kolej kediaman ini juga dilengkapi dengan kemudahan lift, yang memudahkan pelajar bergerak dari satu aras ke aras yang lain. Ini amat penting terutamanya bagi pelajar yang tinggal di aras atas, di mana tanpa adanya lift, ia akan menjadi lebih sukar untuk mereka membawa barang atau mempunyai masalah mobiliti. Turut disediakan adalah mesin basuh yang ditempatkan di aras tertentu.

Di aras bawah kolej kediaman terdapat bilik khas yang disediakan untuk pelajar OKU (Orang Kurang Upaya). Bilik ini disediakan sebagai memenuhi keperluan khas bagi memastikan pelajar OKU dapat menjalani kehidupan kampus dengan selesa. Ia merupakan satu langkah inklusif daripada pihak universiti dalam memastikan semua pelajar dapat menikmati kemudahan yang sama rata.

Di aras bawah kolej kediaman terdapat bilik khas yang disediakan untuk pelajar OKU (Orang Kurang Upaya). Bilik ini disediakan sebagai memenuhi keperluan khas bagi memastikan pelajar OKU dapat menjalani kehidupan kampus dengan selesa. Ia merupakan satu langkah inklusif daripada pihak universiti dalam memastikan semua pelajar dapat menikmati kemudahan yang sama rata.



Selain ini, di aras bawah juga, terdapat penempatan untuk staf residen kolej serta pegawai jawatan penting yang berperanan menjaga hal ehwal kebajikan pelajar di kolej kediaman. Kehadiran mereka memberikan jaminan bahawa pelajar akan mendapat bantuan/sokongan sekiranya menghadapi masalah sepanjang tempoh pengajian di kampus.

Secara keseluruhan, kemudahan yang disediakan di Kolej UiTM Seremban 3 adalah lengkap dan mesra pelajar, tetapi perlu diingat bahawa ia tidak boleh dianggap sebagai hak mutlak. Semua pelajar perlu bersikap rasional dan memahami peraturan yang ditetapkan, agar kehidupan di kolej dapat berjalan dengan lancar dan harmoni. Dengan pemahaman yang betul dan sikap bertanggungjawab, segala kemudahan yang disediakan akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk kesejahteraan semua pelajar di UiTM.

Justeru, penting untuk pelajar menghargai dan menjaga kemudahan yang disediakan dengan sebaik-baiknya, serta mematuhi peraturan yang ada. Kegagalan mematuhi peraturan atau penyalahgunaan kemudahan yang disediakan boleh menyebabkan mereka kehilangan hak untuk tinggal di kolej dan menyebabkan kesulitan kepada pelajar lain yang memerlukan kemudahan tersebut.